



Selepas itu, Islah mendapat suatu idea yang bernas. Dia melayari Internet untuk mencari maklumat untuk mengatasi masalah itu. "Oh, begini caranya! Program Satu Murid Satu Pokok dapat mengatasi masalah ini!" bisik hati Islah.



"Aduhai, panasnya kelas ini!" kata Islah. Pada waktu itu, kipas angin berputing ligat. Walaupun begitu, bahang panas masih terasa di dalam kelas itu.




Mereka membuat kata putus dengan meletakkan alatan itu di ruang kaki lima tingkat dua di sekolah. Mereka dapat menanam sayur di dalam pasu. Mereka juga dapat menanam buluh dan pokok hias di kawasan sudut kaki lima sekolah di tingkat dua. Akhirnya, sayur dan tumbuhan subur.



"Mari kita kumpulkan duit," kata Islah kepada kawan-kawannya. Dia pun membuat sebuah tabung yang dinamai Satu Murid Satu Pokok. Tidak lama kemudian, semua murid di kelas itu memasukkan duit ke dalam tabung



Kesimpulannya, mereka mendapat faedah hasil daripada penanaman pokok di kawasan sekolah.



Seterusnya, mereka pergi ke kedai bahan binaan. Mereka membeli alatan seperti pasu bunga, bata dan kompos. "Alatan ini hendak letak di mana? tanya Aiman.